

Industri insurans hayat kukuh

Ekonomi pulih, kesedaran awam meningkat bantu perkembangan operasi

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan@bharian.com.my

INDUSTRI insurans hayat di Malaysia dijangka berkembang sebanyak 20 peratus tahun ini yang disokong oleh pemulihan kukuh ekonomi dan peningkatan kesedaran awam terhadap peranan insurans hayat sebagai alat perlindungan dan simpanan pelaburan.

Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Md Adnan Md Zain, berkata penambahbaikan persekitaran operasi yang dibantu pengukuhan rangka kerja kawal selia dalam industri telah membantu meningkatkan tahap keyakinan awam terhadap industri berkenaan.

"Perniagaan lebih kukuh dengan peningkatan keyakinan pengguna dan tahap profesionalisme dalam industri, menjadikan sektor ini mencatat prestasi lebih baik berbanding tahun lalu," katanya kepada Berita Harian.

Industri insurans hayat di Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh setakat tahun ini dengan jualan perniagaan baru berdasarkan premium asas berkembang sebanyak 24 peratus.

Ia juga disokong oleh pertumbuhan jualan premium tunggal dan premium biasa masing-masing sebanyak 22 peratus dan 51 peratus.

Kadar penembusan industri berkenaan setakat akhir September lalu adalah 41 peratus manakala industri secara keseluruhannya berkembang tiga kali lebih pantas berbanding pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Md Adnan berkata, prestasi memberangsangkan itu juga adalah susulan pelbagai perubahan yang dilaksanakan industri menerusi kerjasama pengawal selia dalam memantapkan tahap perkhidmatan di kalangan syarikat insurans.

Katanya, beberapa garis



“Perniagaan lebih kukuh dengan peningkatan keyakinan pengguna dan tahap profesionalisme dalam industri”

Md Adnan Md Zain
Presiden LIAM

panduan dan peraturan telah diperkenalkan sejak beberapa tahun lalu untuk memberi manfaat kepada pengguna.

"Satu daripada inisiatif utama yang berjaya meningkatkan tahap keyakinan pengguna adalah Lembaran Maklumat Produk (PDS) untuk semua pelan insurans hayat bagi membolehkan mereka mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri utama produk seperti yuran dan caj, risiko berkaitan serta kenyataan lain secara jelas," katanya.

Selain itu, katanya, industri turut meningkatkan tahap kelayakan pengamal dan ejen insurans hayat dengan membangunkan garis panduan dikenali Amalan Nasihat Wajar Perniagaan Insurans Hayat bagi memastikan amalan terbaik oleh peserta industri.

"Antara yang diperkenalkan ialah program terbaik seperti Modul 1 hingga Modul 7 RFP dan peperiksa-

an CEILLI untuk perancang kewangan. Ini bagi memastikan hanya ejen berkelayakan dibenarkan untuk mempromosi serta memasarkan produk insurans kepada pelanggan," katanya.

Sementara itu, Md Adnan berkata kadar penembusan insurans hayat di Malaysia mampu mencapai paras 75 peratus menjelang 2020 seperti digariskan di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) berdasarkan beberapa insentif yang diperkenalkan kerajaan.

Katanya, ini termasuk pelepasan cukai sebanyak RM6,000 yang diberikan untuk insurans hayat, perubatan, pendidikan dan anuiti serta rancangan memperkenalkan skim dana pencegutan swasta.

LIAM kini dianggotai oleh 18 syarikat insurans dengan 16 daripadanya adalah syarikat insurans penuh dan dua lagi syarikat insurans semula.